

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak sama ada bersama ibu bapa atau penjaga atau bersendirian mengikut pecahan Pusat Tahanan Imigresen atau Depot Imigresen di semua negeri sehingga kini dan apakah status komitmen Kerajaan *kepada Alternative to Detention* yang telah dipersetujui sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang meneliti kaedah alternatif bagi memastikan kesejahteraan tahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen. Bagi merealisasikan hasrat ini, KDN bersama-sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam usaha untuk melaksanakan projek rintis *Alternative to Detention* (ATD) secara berperingkat yang disasarkan kepada tahanan kanak-kanak bertujuan melihat kebolehlaksanaan perkara ini di Malaysia.

Projek rintis yang dirangka ini akan melibatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sebagai agensi pelaksana serta turut dibantu oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 26 Oktober 2020, seramai 756 orang kanak-kanak berada di dalam Depot Imigresen di seluruh negara. Daripada jumlah berkenaan, seramai 351 kanak-kanak adalah dengan ibu bapa atau penjaga manakala baki seramai 405 kanak-kanak adalah tanpa penjaga.

Jumlah tahanan kanak-kanak dengan penjaga yang paling ramai adalah di Depot Tahanan Imigresen Bekenu, Sarawak iaitu seramai 107 orang, diikuti oleh Depot Tahanan Imigresen Belantik, Kedah iaitu seramai 54 orang dan Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur iaitu seramai 51 orang. Manakala, bagi tahanan kanak-kanak tanpa penjaga, JIM merekodkan jumlah tertinggi di Depot Tahanan Imigresen Belantik, Kedah iaitu seramai 113 orang, diikuti oleh Depot Tahanan Imigresen Tanah Merah, Kelantan iaitu seramai 73 orang dan Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur iaitu seramai 70 orang.